

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu dua ratus lima puluh dua juta empat ratus tujuh puluh lapan ribu tujuh ratus ringgit (\$1,252,478,700) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1989, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1990 dan Akta Perbekalan Tambahan (1989) 1990.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1990.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus dua puluh dua juta dua ratus empat puluh tiga ribu empat ratus ringgit (\$122,243,400) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1990, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1990.

Akta A744.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA
{Seksyen 2}

| Maksud | Tajuk | Peruntukan kepada maksud |
|--------|--|-----------------------------|
| B. 28 | Perbendaharaan | 2,478.700 |
| B. 30 | Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun | 1,250,000,000 |
| | JUMLAH | 1,252,478,700 |

JADUAL KEDUA
(Seksyen 3)

| Maksud | Tajuk | Peruntukan kepada maksud |
|--------|---|-----------------------------|
| B. 7 | Jabatan Perdana Menteri | 13,915,100 |
| B. 14 | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan | 1,478.800 |
| B. 17 | Kementerian Bella dan Sukan | 1,199,400 |
| B. 18 | Kementerian Perasahaan Utama | 93,000,000 |
| B. 27 | Kementerian Luar Negeri | 9,955,000 |
| B. 32 | Jabatan Hasil Dalam Negeri | 1,382,000 |
| B. 56 | Jabatan Setiausaha Persekutuan Sabah | 680,300 |
| B. 57 | Jabatan Setiausaha Persekutuan Sarawak | 632,800 |
| | JUMLAH | 122,243.400 |

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1989 dan 1990 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989) 1990 dan Akta Perbekalan 1990. [PN.(U²) 1621.]